



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

UMK.PC/B01.02/100-6/1(41)

20 MEI 2013

PEKELILING AKADEMIK BIL. 4/2013

PENGLIBATAN PROFESOR DALAM PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan pihak Pengurusan Universiti telah memutuskan bahawa semua Profesor di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) wajib terlibat dalam pengajaran & pembelajaran (P&P) di peringkat prasiswazah sekurang-kurangnya satu (1) kursus pada setiap semester. Penglibatan tersebut meliputi mengadakan perbincangan dengan tenaga pengajar bersama dalam:

- membangunkan kurikulum kursus;
- penglibatan dalam penyampaian kuliah secara bersama;
- menyediakan, menyemak dan menapis soalan peperiksaan;
- membantu menyemak kertas jawapan peperiksaan atau tugas pelajar; dan
- membimbing pensyarah bersama dan pensyarah muda di fakulti masing-masing dalam aspek P&P, penerbitan dan penyelidikan.

3. Semua pihak dipohon mengambil maklum mengenai perkara di atas.

Sekian, terima kasih.

"ISLAM DIMARTABAT, RAJA DIDAULAT, NEGERI BERKAT"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,

PROF. DR. ROSELINA AHMAD SAUFI

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

- s.k.
- YBhg. Prof. Datuk Naib Canselor
 - YBhg. Timbalan-Timbalan Naib Canselor
 - Pendaftar
 - Semua Dekan/ Pengarah Pusat
 - Edaran